

Johor Bahru

# Balasan berbohong

Dua lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Majistret berasingan di sini, semalam atas tuduhan membuat laporan polis palsu.

Di hadapan Majistret Nurmadiana Mamat, tertuduh, Chin Chen Yee, 44, didenda RM800 selepas membuat pengakuan itu sejurus per-tuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Chen Yee didakwa membuat satu laporan bertulis yang diketahuinya sebagai palsu dengan menyatakan beg silang miliknya diragut oleh dua lelaki yang tidak pasti bangsanya.

Dakwanya, beg silang itu mengandungi kad pengenalan, lesen memandu kelas D, kad pengeluaran wang automatik (ATM) serta wang tunai kira-kira RM500 dan perbuatan itu didakwa dilakukan di Jalan Sutera Tanjung 8/2, Taman Sutera Utama, Skudai di sini, kira-kira 10.45 malam, Ahad lalu.

Timbalan Pendakwa Raya Sharifah Natasha Syed Ahmad memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh yang bekerja sebagai pengurus di Singapura itu dipenjarakan jika gagal membayar denda yang dikenakan.

Sementara itu, di hadapan Majistret Mohd Zulhili Ibrahim, pengang-



DUA lelaki mengaku bersalah membuat laporan palsu polis di Mahkamah Majistret berasingan di Johor Bahru. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

gur, R Kumaraguru, 31, didakwa melakukan perbuatan sama dengan menyatakan dompet miliknya disamun seorang lelaki.

Dalam kejadian yang didakwa berlaku di sebuah kedai serbaneka, Jalan Penderkar 1, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di sini, kira-kira jam 7.30 pagi, Isnin lalu, tertuduh mendakwa dalam dompet berkenaan mengandungi kad pengena-

lan, kad bank, kad stesen minyak dan wang tunai RM180.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima hari serta dikenakan denda RM1,000 dan jika gagal membayar denda, tertuduh berdepan huku-

man penjara selama tiga bulan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Arif Marzuki dan Danial Munir.

Dua tertuduh yang tidak diwakili peguam itu didakwa mengikut Seksyen 182, Kanun Keseksan

yang membawa hukuman penjara maksimum enam bulan atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Difahamkan, siasatan polis mendapati kedua-dua tertuduh membuat laporan polis terbabit bertujuan untuk mengelak dikenakan denda oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana kehilangan kad pengenalan milik mereka.

**Chen didenda  
RM800 manakala  
Kumaraguru didenda  
RM1000**